

Pengenalan 介绍

1. Dalam bab ini kita akan mempelajari bagaimana usaha Parti Komunis Malaya (PKM) untuk menubuhkan sebuah republik komunis di Tanah Melayu.

在这一课，我们将学习马来亚共产党（PKM）如何努力，在马来亚建立一个共产主义共和国。

2. Seterusnya bab ini akan memberi fokus terhadap kesungguhan kerajaan membanteras ancaman komunis demi mewujudkan keamanan dan kesejahteraan.

接下来，这一课将重点放在政府的打击共产主义的危害，为人民带来和平与繁荣的决心。

3. Bab ini juga akan membincangkan kesan-kesan darurat terhadap penduduk Tanah Melayu.

这一课还将讨论戒严对马来亚人民造成的影响。

3.1 Penyusupan dan Kegiatan Penganas Komunis 共产主义的渗透和恐怖活动

1. Komunisme diasaskan oleh Karl Marx di Eropah pada pertengahan abad ke-19.

共产主义由在欧洲的 Karl Marx 于 19 世纪中期创建。

2. Komunisme merupakan fahaman yang menentang golongan feudal dan imperialis dan sebaliknya mengimpikan masyarakat yang adil dan sama rata.

共产主义是反对封建和帝国主义的一种思想，而是梦想着公正和公平的社会。

3. Golongan feudal merupakan golongan bangsawan yang menguasai sistem pemerintahan sementara imperialis ialah golongan penjajah.

封建的一群是主导政府制度的贵族而帝国主义则是殖民统治者。

4. Dengan itu, komunisme memperjuangkan masyarakat tanpa kelas dan pemilikan negara ke atas tanah dan perindustrian.

因此，共产主义是一个无阶级社会并且土地和工业是国家所有权。

5. Ajaran Karl Marx disampaikan melalui buku tulisannya seperti the Communist Manifesto, Das Capital, dan The German Ideology.

Karl Marx 的教导通过他的书籍，如共产党宣言，资本论，以及德意志意识传达。

6. Antara negara yang mengamalkan sistem komunisme ialah Rusia dan China.

其中实行共产主义制度的国家是俄罗斯和中国。

7. Pada tahun 1919, Pertubuhan Komunis Antarabangsa (Comintern) telah mengarahkan supaya ideologi komunis disebarkan ke seluruh dunia.

1919 年，国际共产组织（国际共产）下令将共产主义意识传播到世界各地。

3.1.1 Cara Penyusupan 如何渗透

1. Fahaman komunis menyusup ke Tanah Melayu melalui Parti Kuomintang (KMT) dan Parti Komunis Nanyang.

共产主义通过国民党（KMT）和南洋（Nanyang）共产（Komunis）党渗透到马来半岛。

2. Pada tahun 1921, Parti Komunis China (PKC) telah ditubuhkan di negara China. Ekoran perpecahan KMT dan PKC di negara China, PKC telah menubuhkan Parti Komunis Nanyang di Singapura.

1921年，中国共产党（PKC）在中国建立。继在中国的国民党（KMT）和中国共产党（PKC）分裂之后，中国共产党在新加坡成立了南洋共产党。

3. Agen komunis telah menyebarkan fahaman komunis di kalangan orang Cina melalui kesatuan sekerja, persatuan, kelas malam, dan penerbitan.

共产党党员通过工会，协会，夜校，刊物在华人之中宣扬共产主义。

4. Parti Komunis Indonesia (PKI) menyebarkan fahaman komunis di kalangan orang Melayu.

印尼共产党（PKI）在马来人之间宣扬的共产主义意识。

5. Orang Melayu tidak tertarik dengan fahaman komunis kerana fahaman komunis bertentangan dengan agama Islam dan adat resam orang Melayu. Ini kerana fahaman komunis tidak mengakui kewujudan Tuhan (ateis).

马来人对共产主义不感兴趣，因为共产主义违背回教和马来人的习俗。这是因为共产主义意识不承认神的存在（无神论）。

6. Selain itu, komunis menggunakan kekerasan dan kezaliman untuk mencapai sesuatu matlamat. Contohnya, peristiwa keganasan 14 hari yang berlaku semasa berlaku kekosongan politik selepas pengunduran tentera Jepun.

此外，共产使用暴力和残忍以实现某种目标。例如，14天暴力事件在日军撤出后的政治空缺时发生。

3. 1. 2 Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) 建立马来亚共产党（PKM）

1. Pada tahun 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) telah ditubuhkan di Tanah Melayu.

1930年，马来亚共产党（PKM）在马来亚成立。

2. Tujuan penubuhan PKM ialah untuk menubuhkan sebuah kerajaan Republik Komunis Malaya.

PKM的目的是建立马来亚共产党共和国的政府。

3. PKM telah melatih ramai kader, iaitu anggota baru dan menyusup ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja.

PKM培养了许多干部，那就是新成员并渗入工会。

4. Mereka mempengaruhi pekerja limbungan, pekerja kereta api, pelombong bijih timah, pekerja ladang, dan kilang.

他们影响了船厂工人，铁路工人，锡矿工人，农场和工厂的工人。

5. Menjelang tahun 1935, PKM telah menjadi kuat. PKM melancarkan mogok dan sabotaj.

直到1935年，PKM变得强大。PKM进行罢工和怠工。

6. Mogok yang paling hebat ialah peristiwa yang berlaku di lombong arang batu di Batu Arang Selangor.

最大型的罢工是发生在雪兰莪州的煤矿场事件。

7. Seramai 6 000 orang buruh telah melancarkan mogok dan mengambil alih lombong tersebut.

共有 **6000** 工人进行罢工并接管该矿场。

8. Sebagai tindak balas, British menghantar 300 orang polis untuk mematahkan pemberontakan itu. Ramai pemimpinnya dihantar pulang ke China.

作为反应，英国派遣 **300** 名警察结束这叛乱。许多领导人被遣返回中国。

9. Semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, PKM telah bekerjasama dengan British untuk mengusir tentera Jepun.

在日本占领马来亚时，**PKM** 曾与英国合作以驱逐日本军。

10. Pihak British menubuhkan Sekolah Latihan Khas 101 di Singapura. Sekolah Latihan Khas 101 menjadi teras kepada pasukan gerila bagi menentang tentera Jepun di Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor.

英国在新加坡建立特殊培训学校 **101**。特殊培训学校 **101** 成为游击部队的核心，以对抗在雪兰莪，森美兰和柔佛的日军。

11. PKM telah membentuk tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJA). Walau pun begitu, MPAJA tidak banyak bertempur dengan tentera Jepun semasa pendudukan Jepun. MPAJA tidak memberikan ancaman kepada kedudukan tentera Jepun di Tanah Melayu.

PKM 建立马来亚抗日人民军 (**MPAJA**)。然而，在日军占领期间 **MPAJA** 并不常与日军战斗。**MPAJA** 没有对日军在马来亚的地位构成威胁。

12. Semasa pendudukan Jepun, British membekalkan bantuan senjata, maklumat, kerahsiaan, kewangan dan pegawai untuk melatih anggota baru MPAJA untuk menentang Jepun.

在日本占领时，英国提供武器，信息，保密，经济和官员以培训新成员 **MPAJA** 对抗日本。

13. Sebagai balasannya, MPAJA bersetuju untuk membantu British menentang Jepun.

作为回报，**MPAJA** 答应帮助英国抗日。

14. PKM menggunakan bantuan tersebut untuk mengumpulkan kekuatan. PKM berjaya mempergunakan British untuk kepentingan perjuangan PKM semata-mata.

PKM 使用这些援助以凝聚力量。**PKM** 成功利用英国纯粹为了 **PKM** 的奋斗。

15. Setelah kekalahan Jepun, MPAJA telah menguasai pemerintahan Tanah Melayu selama 14 hari.

日本战败后，**MPAJA** 掌控马来亚长达 **14** 天。

16. MPAJA yang dikenali sebagai tentera Bintang Tiga mendakwa mereka bertanggungjawab mengalahkan Jepun di Tanah Melayu.

MPAJA 被称为三星军，他们负责击败在马来亚日军。

17. Mereka telah menangkap sesiapa sahaja yang disyaki bekerjasama dengan Jepun, mengadakan perbicaraan secara tidak adil, dan menghukum bunuh sesiapa sahaja dengan sewenang-wenangnya.

他们逮捕任何被涉嫌与日本合作的，举行不公正的审判，并毫无顾忌地判决任何人死刑。

18. Pada 12 September 1945, British telah menubuhkan pentadbiran tentera British di Tanah Melayu (BMA).

1945年9月12日，英国在马来亚成立了英国军事管理（BMA）。

19. British meminta MPAJA menghentikan keganasan tersebut dan membubarkan MPAJA.

英国要求 MPAJA 停止暴力行为和解散 MPAJA。

20. Seramai 6800 anggota PKM telah menyerahkan senjata mereka kepada British. Setiap anggota MPAJA dibayar sebanyak \$350 oleh British.

多达 6800 个 PKM 成员交出武器给英国。英国支付每个 MPAJA 成员 \$350。

21. Walau bagaimanapun, PKM tidak menyerahkan semua senjata. PKM telah menyembunyikan sebahagian senjata di dalam hutan.

然而，PKM 并没有交出所有的武器。PKM 在树林中收藏了一些武器。

3. 1. 3 Keganasan Komunis 共产党的暴力

1. Pada tahun 1947, Chin Peng telah mengambil alih pucuk pimpinan PKM daripada Lai Teck yang menghilangkan diri bersama sejumlah wang PKM.

在 1947 年，陈平（Chin Peng）从卷走 PKM 一笔钱逃走的莱特（Lai Teck）手中接管领导 PKM。

2. PKM mula bergerak secara terbuka dan menyertai All Malayan Council of Joint Action (AMCJA) bagi membantah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

PKM 开始公开行动并加入所有（All）马来亚（Malayan）理事会（Council）的联合行动（Joint Action）（AMCJA）抗议 1948 年马来亚联邦。

3. PKM berusaha menubuhkan sebuah kerajaan Republik Komunis Malaya melalui perlembagaan.

PKM 试图通过宪法建立马来亚共产党共和国政府。

4. Apabila perjuangan PKM untuk menubuhkan kerajaan komunis melalui perlembagaan menempuh kegagalan, PKM menukar taktik perjuangan kepada cara kekerasan.

当 PKM 通过宪法建立共产党政府经历失败，PKM 的战术变成暴力的方式。

5. Pada tahun 1948, Persidangan Pemuda Komunis Asia yang bermesyuarat di Calcutta, India telah memutuskan untuk melancarkan pemberontakan di rantau Asia Tenggara untuk menubuhkan republik komunis secara kekerasan.

1948 年，在印度的加尔各答（Calcutta）举行的亚洲共产主义青年团大会，决定在东南亚地区进行叛乱以使用暴力来建立一个共产主义共和国。

6. Chin Peng menganggap masa untuk PKM melancarkan pemberontakan bersenjata di Tanah Melayu adalah sesuai.

陈平认为 PKM 在马来亚进行武装叛乱的时间是合适的。

7. PKM menubuhkan unit gerila yang dipanggil Malayan Race Liberation Army (MRTA) dengan harapan memperoleh sokongan kaum Melayu dan India.

PKM 建立被称为马来亚人民解放军（MRTA）的游击部队，希望获得马来人和印度人的支持。

Mesej Focus 消息焦点

Dalam memperjuangkan sebuah kerajaan Republik Komunis Malaya, PKM akan mendapatkan bantuan negara komunis Rusia dan China sekiranya diperlukan. Lau Yew, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Tentera PKM telah menubuhkan Tentera Anti-British Rakyat Tanah Melayu (MPABA) pada tahun 1948. Keanggotaan MPABA dianggarkan seramai 3 000 orang. Mulai 1 Februari 1949, MPABA dikenali sebagai Tentera Pembebasan Pelbagai Bangsa Tanah Melayu (MRLA). Pertukaran nama ini untuk menarik perhatian pelbagai kaum menyertai pertubuhan tersebut.

在建立马来亚共产党共和国政府的奋斗中，如果有需要，PKM 将得到共产主义俄罗斯和中国政府的援助。Lau Yew，PKM 中央军事主席于 1948 年组成马来亚人民抗英军（MPABA）。MPABA 的会员估计多达 3000 人。1949 年 2 月 1 日开始，MPABA 被称为马来亚不同种族解放军（MRLA）。这名称的改变，吸引了很多人的注意并加入他们的行列。

8. Pengganas komunis memulakan pemberontakan dengan menyerang dan mengganggu pekerja ladang dan lombong.

共产党以攻击和干扰农场和煤矿的工人进行叛乱。

9. Mereka menetak dan menakik beribu-ribu pokok getah, membakar rumah pekerja ladang, dan merosakkan jentera melombong bijih timah.

他们砍掉并割开成千上万的橡胶树，烧农场工人的房子，破坏采锡矿的机器。

10. Komunis terus menjalankan aktiviti keganasan dengan menyerang balai polis, membakar bas, mengalih landasan kereta api supaya tergelincir, dan membunuh individu yang bekerjasama dengan British.

共产党继续通过攻击警察局，焚烧巴士，移除铁路以便打滑，并杀死与英国合作的人以进行恐怖活动。

11. Tujuan PKM berbuat demikian adalah untuk mengganggu sumber pengeluaran ekonomi negara. Apabila ekonomi negara lumpuh, rakyat akan berasa tidak puas hati dengan kerajaan.

PKM 这样做的目的，就是为了干扰国家的经济生产资源。当经济处于瘫痪状态，人会对政府感到不满。

3.2 Langkah Membanteras Ancaman Komunis 打击共产主义威胁的措施

1. Langkah membanteras komunis

打击共产主义所采取的措施

(a) Pengisytiharan darurat.

宣布戒严。

(b) Pengharaman Parti Komunis Malaya dan parti berhaluan kiri.

严禁马来亚共产党和左派分子的政党。（左派分子大部分是指社会主义、共产主义和社会自由主义）

(c) Memperbesar pasukan keselamatan.

增加安全部队。

(d) Rancangan Briggs.

Briggs 的计划。

(e) Perang Saraf.

经神的战争。

(f) Pengampunan beramai-ramai.

大规模的赦免。（赦免=原谅）

(g) Pertemuan Baling.

在 **Baling** 的会议。

3. 2. 1 Pengisytiharan Darurat 宣布进入紧急状态/戒严

1. Pada bulan Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang bangsa Eropah di Sungai Siput, Perak. Peristiwa ini telah menggemparkan kerajaan British.

在 **1948 年 6 月**，共产党在霹靂州的 **Sungai Siput** 杀害三名欧洲籍的农场主管。这起事件震惊了英国政府。

2. Berikutan peristiwa itu, Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Edward Gent telah mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu pada 17 Julai 1948.

这起事件发生后，英国高级专员，**Edward Gent** 爵士于 **1948 年 7 月 17 日** 在整个马来亚宣布进入紧急状态/戒严。

戒严是指国家在处于对外战争、内部叛乱、天灾瘟疫或者财政经济危机的等严重危害社会安全与政治稳定的特殊时期采取的一种紧急措施。戒严实施时司法及行政权会部分或全部由军队接管。在有的国家又称之为紧急状态。危机程度不同，所采取的紧急状态的办法也不同。

Mesej Focus 焦点讯息

Fasal (1) Undang-undang Darurat 紧急状态法律第（1）条

(1) Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa suatu darurat besar yang sedang berlaku dan keselamatan, atau kehidupan ekonomi, atau ketenteraan awam dalam Persekutuan atau mana-mana bahagiannya adalah terancam oleh kerananya, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengeluarkan suatu Perisytiharan Darurat dengan membuat dalamnya pengumuman yang bermaksud sedemikian.

（1）如果最高元首认为在联邦或其任何地区发生重大的突发事件和安全或经济环境，或社会秩序受到威胁，那么最高元首可以发出公告紧急声明宣布进入紧急状态/戒严。

3. Di bawah Undang-Undang Darurat 1948, kerajaan boleh menangkap sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dengan pengganas komunis tanpa sebarang perbicaraan.

在 **1948 年** 的紧急状态法律之下，政府可以不用经审判就逮捕任何涉嫌参与共产党。

4. Undang-undang ini juga memberi kuasa kepada pasukan keselamatan untuk menggeledah rumah kediaman mereka yang disyaki.

这法案还授权给安全部队搜查被怀疑的人的房屋。

5. Pasukan keselamatan juga diberi kuasa untuk memindahkan penduduk ke penempatan baru atau memagar sesebuah kampung yang disyaki ada hubungan dengan penganas komunis.

安全部队还被授权以把居民迁移到新的定居点，或在一个被可疑与共产党联系的村庄做篱笆。

6. Undang-Undang Darurat 1948 diisytiharkan untuk membanteras penganas komunis demi melindungi kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.

于 1948 年颁布紧急状态法，以为了保护英国在马来亚的经济利益打击共产党。

3. 2. 2 Pengharaman Parti Komunis Malaya dan Parti Berhaluan Kiri 严禁马来亚共产党和左派分子的政党

1. Setelah undang-undang Darurat diperkenalkan, kerajaan British telah bertindak mengharamkan Parti Komunis Malaya (PKM) pada 23 Julai 1948.

引入紧急状态法律之后，英国政府采取行动，于 1948 年 7 月 23 日禁止马来亚共产党（PKM）。

2. British juga telah mengambil kesempatan untuk mengharamkan parti-parti politik Melayu berhaluan kiri yang memperjuangkan kemerdekaan seperti Angkatan Wanita Sedar (AWAS), Ikatan Pemuda Tanah Air Melayu (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), dan Hizbul Muslimin.

英国也趁机禁止争取独立德的左派政党如女性意识团（AWAS），马来领土青年协会（PETA），马来激进青年（RAM），马来亚马来国民党（PKMM）和回教党（Hizbul Muslimin）。

3. 2. 3 Memperbesar Pasukan Keselamatan 增加安全部队

1. Kerajaan British menggerakkan 40 000 orang tentera termasuk 13 batalion askar Melayu, Gurkha, dan British untuk memburu penganas komunis.

英国政府出动 4 万个军人，其中包括 13 个大队马来军，Gurkha 军，和英国军追捕共产党。

2. Mereka diberi kelengkapan senjata baru, meriam, alat kelengkapan perang, hubungan radio yang lebih baik, kapal terbang, dan kapal laut.

他们被赋予了新的武器，炮，战斗装备，更好的无线电，战斗机和船只。

3. British membawa masuk askar negara-negara Komanwel terutamanya dari Australia, New Zealand, Afrika Timur, dan Fiji bagi menentang komunis di Tanah Melayu.

英国带了联邦国家包括澳大利亚（Australia），新西兰（New Zealand），东非（Afrika Timur），和斐济（Fiji）的军队以对抗马来亚的共产党。

4. Selain itu, kerajaan juga menubuhkan 250 000 Home Guard di peringkat kampung untuk membantu pasukan polis dan tentera menjaga keselamatan.

此外，政府还在村庄设立了 25 万个家庭卫兵，以协助警察和军队维护治安。

5. Kerajaan British menubuhkan pasukan Home Guard yang bukan sahaja terdiri daripada lelaki tetapi juga wanita.

英国政府成立一个不仅由男性也有女性组成的家庭卫兵。

6. Kesanggupan dan keberanian orang Melayu dalam menentang penganas komunis amat mengagumkan Pesuruhjaya Tinggi British pada masa itu.

马来人对抗共产党的决心与勇气令当时的英国高级专员感到佩服。

7. Selain itu, kerajaan telah menyusun dan memperbesarkan pasukan polis sehingga meningkat 70 000 orang anggota.

此外，政府编排和扩大警察部队直到增加了 7 万名成员。

8. British melatih seramai 24 000 orang mata-mata khas Melayu (Special Constables) untuk mengawal ladang dan kawasan lombong yang terpencil.

英国培训多达 2 万 4 千个典型的马来间谍（特别警察）以监控偏远地区的农场和矿场。

9. Pasukan keselamatan mengebom dan mengadakan serangan hendap kawasan yang menjadi sasaran dengan bantuan Tentera Udara British (RAF).

安全部队得到英国空军（RAF）的帮助轰炸和伏击成为目标的地区。

10. Penganas komunis jarang bertempur secara berdepan. Mereka berlindung di dalam hutan dan melancarkan serangan secara gerila terhadap pasukan keselamatan.

共产党很少正面冲突。他们躲在丛林和对安全部队进行游击战。

3.2.4 Rancangan Briggs (Briggs 的计划)

Rancangan Briggs (Briggs 的计划)
<ul style="list-style-type: none">•Kampung baru 新村•Kad catuan makanan 食品配给卡•Gerakan kelaparan 饥饿运动•Menyokong penubuhan MCA 支持 MCA 的成立•Kad pengenalan 身份证•Sekatan jalan raya 设路障

1. Pada tahun 1950, Sir Henry Gurney telah melancarkan Rancangan Briggs. Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs dilantik menjadi pengarah operasinya.

在 1950 年，Henry Gurney 爵士已经推出了 Briggs 计划。Harold Rowdon Briggs 爵士陆军中将被任命为此行动主管。

2. Tujuan rancangan ini adalah untuk mengumpulkan setinggan yang berselerak di kawasan pinggir hutan terpencil dan memindahkannya ke kawasan penempatan yang baru.

这本计划的目的是聚集散落在偏僻森林边缘的寮屋（木屋），将他们搬迁到一个新的住宅区。

3. Kawasan penempatan baru ini dikenali sebagai kampung baru. Tujuannya untuk menyekat bekalan makanan daripada jatuh ke tangan komunis khususnya Min Yuen.

新的住宅区被称为新村。它的目标是限制食物来源落入共产党尤其是民运（Min Yuen）手中。

4. Min Yuen atau Gerakan Rakyat telah ditubuhkan oleh PKM dan dianggotai oleh orang Cina.

民运或人民运动由 PKM 成立并由华人参与。

5. Peranan Min Yuen ialah membekalkan makanan, ubat-ubatan, dan maklumat kepada PKM. Anggotanya menyamar sebagai petani, peladang, pekedai, penoreh getah, guru dan pelajar.

民运的作用是给 PKM 提供食物，药品和信息。成员乔装成农民，店员，割橡胶的工人，教师和学生。

6. Ramai setinggan Cina yang tinggal di pinggir hutan dipaksa membantu pengganas komunis melalui Min Yuen. Mereka yang enggan membantu pengganas komunis akan dibunuh.

许多住在森林边缘寮屋的华人，被迫通过民运帮助共产党。拒绝帮助共产党游击队的人会被杀死。

7. Briggs menyedari kepentingan sokongan rakyat terhadap pengganas komunis. Pengganas komunis diumpamakan ikan dan Min Yuen umpama air. Tanpa air sudah tentu ikan akan mati.

Briggs 知道公众的支持对共产党的重要性。共产党就好比鱼，民运就好比水。没有水，鱼肯定会死。

8. Kampung baru terletak jauh dari pinggir hutan. Kampung baru dipagar dengan kawat berduri dan dijaga oleh Special Constable (SC).

新村位于森林边缘比较远的地方。新村用带刺的铁丝网围起来并有特别警察（SC）把守。

9. Setiap ketua keluarga di kampung baru diberi kad catuan makanan dan periuk nasi bernombor bagi memastikan setiap keluarga memperoleh bekalan makanan secukupnya.

有编号的电饭煲和食物配给卡家庭提供给在新村里的每个一家之主，以确保每一个家庭得到充足的粮食供应。

10. Kampung baru dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tempat tinggal, sekolah, kemudahan kesihatan, bekalan elektrik, dan air paip.

新村都有配备基本设施，如住所，学校，医疗设施，电力供应和水管。

11. Strategi ini bukan sahaja menyelamatkan setinggan di pinggir hutan daripada ancaman komunis malah berjaya menghalang komunis daripada berhubung dengan orang ramai.

这个策略不仅可以把森林边缘的寮屋居民从共产主义的威胁中拯救出来，还可以阻止共产党与公众取得联系。

12. Di bawah Rancangan Briggs, program Gerakan Kelaparan dijalankan bagi memastikan sebarang bekalan makanan, senjata, maklumat, dan ubat-ubatan tidak jatuh ke tangan komunis.

根据 Briggs 计划，进行饥饿运动计划，以确保任何食品供应，武器，信息和药物不会落入共产党手中。

Mesej Focus 焦点资讯

Rancangan Briggs mendapat nama sempena nama pengarah operasinya, Leftenan Jeneral Sir Harald Rowdon Briggs.

Briggs 计划是用这项行动负责人，Harald Rowdon Briggs 中将先生的名字命名的。

13. Pembelian, pengangkutan dan penyimpanan makanan dikawal selia dengan ketat oleh kerajaan melalui penyelarasan antara pentadbiran awam, tentera, dan polis.

购买，运输和食品储藏通过公共行政部门，军事和警察之间协调被政府严格监管。

14. Briggs juga menyokong penubuhan Malayan Chinese Association (MCA) yang berorientasikan Tanah Melayu. MCA telah memainkan peranan yang aktif untuk membantu setinggan Cina menjalani kehidupan di kawasan kampung baru.

Briggs 还支持建立以马来亚为本的马来亚华人公会（MCA）。MCA 在帮助寮屋华人居民在新农村生活上，发挥了积极的作用。

15. Pada peringkat awal, MCA berkembang sebagai sebuah badan bersifat kebajikan. MCA telah menjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan.

在早期，MCA 是作为一个福利机构。MCA 通过卖福利彩票进行筹款。

16. Kutipan jualan loteri kebajikan tersebut didermakan kepada penduduk setinggan Cina di kampung baru bagi meringankan beban kesukaran akibat berpindah.

出售福利彩票所得的款项捐给在新村的寮屋华人居民，以减轻移动所造成的负荷。

17. Kerajaan juga memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan bagi mengawal pergerakan penduduk.

政府还推出国家登记制度来控制居民的动向。

18. Setiap penduduk berumur 12 tahun atau lebih mesti didaftarkan dan diberi kad pengenalan untuk membezakannya dengan pengganas komunis.

每一个年龄 12 岁或以上的居民必须登记并获得身份证以区分他与共产党。

19. Sekatan jalan raya telah diadakan di semua tempat untuk mencegah bekalan makanan, ubat-ubatan, dan maklumat jatuh ke tangan komunis.

在所有的地方设路障，以防止食物用品，药品，信息落入共产党手中。

20. Tanpa barang-barang keperluan seperti makanan dan ubat-ubatan, pengganas komunis terpaksa keluar dari persembunyiannya untuk mendapatkan bekalan. Ini memudahkan pasukan keselamatan menggempur pengganas komunis.

没有基本商品，如食品，药品，共产党不得不从匿藏的地方出来以得到供应。这让安全部队更容易攻击共产党。

21. Rancangan Briggs sangat berkesan dan berjaya melumpuhkan pengganas komunis. Ramai pengganas komunis yang kelaparan telah keluar daripada hutan dan menyerang semata-mata untuk memperoleh bekalan makanan. Pengganas komunis semakin merasai kesukaran untuk meneruskan perjuangan mereka.

Briggs 计划非常有效并成功削弱共产党。许多饥饿的共产党走出了森林并攻击纯粹为了获得粮食供应。共产党觉得他们的斗争越来越难继续。

22. Sehubungan dengan itu, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat di Pahang pada tahun 1951, PKM meluluskan dasar baru yang mengurangkan kekejaman terhadap orang awam.

因此，在 1951 年在彭亨州的中央委员会会议里，PKM 采取了新的政策，那就是减少对平民使用暴力。

23. Mereka hanya memilih kumpulan atau individu tertentu untuk diserang. Mangsa pertama dasar ini ialah Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu pada masa itu. Beliau dibunuh dalam satu serangan hendap ketika dalam perjalanan ke Bukit Fraser.

他们只是选择特定的人群或个人以作攻击。这个政策的第一批受害者是 **Henry Gurney** 爵士，是那个时候在马来亚的英国高级专员。当他去 **Bukit Fraser** 的途中，他在一次的伏击中被杀害。

24. Walaupun Rancangan Briggs menyekat kebebasan rakyat, namun rancangan ini berjaya menyedarkan setiap penduduk kampung baru pentingnya kesepakatan dalam menghadapi ancaman penganas komunis.

虽然 **Briggs** 计划限制人民的自由，但这个计划成功让所有的新村的居民意识到在面对的共产党事件里，团结的重要性。

25. Kesukaran yang mereka hadapi merupakan sebahagian daripada pengorbanan rakyat dan komitmen mereka dalam memulihkan keamanan negara.

他们所面对的困难是人民的牺牲和他们恢复国家和平的承诺的一部分。

3. 2. 5 Perang Saraf 心理战

1. Pada tahun 1952, Sir Gerald Templer dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi Tanah Melayu dan Pengarah Gerakan bagi menggantikan Sir Henry Gurney.

在 1952 年，**Gerald Templer** 爵士被任命为马来亚高级专员和运营总监以代替 **Henry Gurney** 爵士。

2. Sir Gerald Templer menyedari penggunaan kekerasan dan senjata semata-mata tidak akan berjaya menghapuskan komunis.

Gerald Templer 爵士意识到只使用武力和武器根本无法消灭共产党。

3. Oleh itu, beliau menumpukan usaha untuk memenangi hati dan fikiran rakyat supaya bersama-sama membantu kerajaan menghapuskan komunis. Kaedah ini dikenali sebagai Perang Saraf.

因此，他专注以赢得了民心和有一起帮助政府消除共产党的思想。这种方法被称为心理战争。

4. Perang Saraf ialah rancangan yang dilaksanakan oleh pentadbiran British untuk membasmi penganas komunis melalui kempen 'memenangi hati dan fikiran rakyat'.

心理战是由英国政府实施的计划以通过“赢得民心”运动消灭共产党。

5. Melalui Perang Saraf, kerajaan memberi perhatian kepada aspek psikologi untuk mendapatkan kerjasama rakyat supaya menyokong kerajaan membanteras penganas komunis.

通过心理战，政府注重心理方面为了获得人民的合作以便支持政府打击共产党。

6. Perang Saraf berjaya memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu dan menghapuskan perasaan perkauman.

心理战成功说服不同种族的人民团结起来，消除种族主义。

7. Kerajaan British telah menawarkan hadiah lumayan kepada orang ramai yang berjaya menangkap dan membunuh komunis.

英国政府提供奖品给成功逮捕和杀死共产党的人。

8. Sir Gerald Templer melawat kawasan yang terkenal dengan kegiatan penganas komunis.

Gerald Templer 爵士参观有名的共产党活动的区域。

9. Kempen 'Bulan Penduduk Tanah Melayu Menentang Komunis' telah dilaksanakan dengan jayanya.

“马来亚人民反对共产党之月”运动成功实施。

10. Seramai 500 000 orang penduduk pelbagai kaum telah bersama-sama membawa sepanduk mengutuk keganasan komunis.

多达 5 万个各种族的人民一起展开横幅 (banner) 谴责共产党。

11. Mereka juga turut membakar patung-patung komunis. Risalah menentang komunis diedarkan di setiap pelusuk Tanah Melayu.

他们还烧共产党的雕像。反对共产党的传单被派发到马来亚每一个角落的人。

12. Perang Saraf yang dilaksanakan kerajaan telah berjaya menimbulkan kebencian terhadap kekejaman komunis menyebabkan rakyat yang takut menjadi berani. Mereka dengan rela hati menawarkan diri menyertai pasukan keselamatan dan polis untuk mempertahankan tanah air.

由政府实施的心理战已经成功让胆小的人们因为对共产党暴行的仇恨而变得勇敢。他们心甘情愿地自愿参加安全部队和警察以保卫家园。

13. Di bawah rancangan Perang Saraf, Templer memperkenalkan konsep 'kawasan hitam' dan 'kawasan putih'.

根据心理战方案，Templer 推出“黑色区域”和“白色区域”的概念。

14. Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan penganas komunis yang aktif. Manakala kawasan putih ialah kawasan yang telah dibebaskan dari ancaman penganas komunis.

黑色区域是有共产党积极活动的地方。而白色区域是不再受共产党威胁的地区。

15. Di kawasan penduduk yang enggan membantu komunis, kerajaan telah memotong catuan makanan dan melaksanakan perintah berkurung lebih 22 jam.

拒绝帮助共产党的该地区居民，政府取消口粮配给制度和宵禁超过 22 小时。

16. Sir Gerald Templer telah bertindak tegas terhadap penduduk di Tanjung Malim dengan mengenakan perintah berkurung selama 22 jam kerana orang ramai enggan bekerjasama memberikan maklumat yang diperlukan.

Gerald Templer 爵士针对 Tanjung Malim 的居民，实行宵禁 22 小时，因为人们不愿合作提供所需要的信息。

17. Pada 30 Mei 1954, beliau mengisytiharkan kawasan Melaka, Terengganu, Kedah, Perlis, dan Negeri Sembilan sebagai kawasan putih.

1954 年 5 月 30 日，他宣布马六甲，柔佛，吉打，玻璃市州和森美兰州地区为白色区域。

18. Untuk menarik sokongan orang Cina supaya menyokong usaha Perang Saraf, Templer memperkenalkan Undang-Undang Kewarganegaraan 1952.

为了吸引华人支持心理战作出的努力，Templer 推出了 1952 公民法案。

19. Undang-undang ini membolehkan 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India layak menjadi warganegara Tanah Melayu.

这法案让 120 万个华人 18 万个印度人有资格成为马来亚公民。

20. Kelonggaran syarat kewarganegaraan tersebut menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain demi perpaduan dan kesejahteraan rakyat.

放宽公民权要求显示马来人为了团结和社会福利对其他种族的牺牲。

21. Peristiwa ini telah membuka ruang kepada setiap kaum untuk bersikap tolak ansur dan bertimbang rasa dalam pelbagai bidang kehidupan.

这次事件给每个种族开放空间，以宽容和理解生活在各个领域。

22. Dalam kempen Perang Saraf, Templer telah menaikkan jumlah hadiah yang ditawarkan kepada rakyat yang dapat menangkap atau memberi maklumat mengenai gerila komunis.

在心理战进行期间，Templer 给能捉到或者提供有关共产党游击队讯息的人民提高礼品的数量。

23. Sesiapa yang berjaya menangkap Chin Peng sama ada hidup atau mati diberi hadiah \$250 000. Tawaran bagi menangkap atau membunuh orang kanannya sebanyak \$200 000.

任何人成功捉到陈平，无论生死，都可以获得奖励达 25 万美元。可以捕捉或杀死他的助手则获得 20 万美元作为奖励。

24. Sir Gerald Templer telah menguatkuasakan peraturan supaya bekalan makanan tidak sampai ke tangan penganas komunis.

Gerald Templer 爵士强制实施规则以便粮食供应不会到达共产党的手中。

25. Penganas komunis yang terdesak terpaksa menanam makanan sendiri di dalam hutan.

急切的共产党被逼在森林里自己种植粮食。

26. Pasukan keselamatan menggagalkan usaha komunis dengan melancarkan semburan racun ke atas tanaman tersebut.

安全部队喷洒毒药在这些农作物上，以阻止共产党的努力。

27. Serangan ke atas sarang komunis di hutan diperhebatkan lagi dengan rondaan pasukan keselamatan pada setiap masa.

安全部队在任何时候都加剧巡逻以攻击共产党在森林的巢穴。

28. Pasukan keselamatan dikerah terus menerus tinggal di hutan bagi memburu penganas komunis sehingga ke sarangnya. Helikopter mendaratkan bekalan makanan dan, anggota tentera di dalam hutan.

安全部队部署继续不断住在树林里以抓共产党至到他们的巢穴。直升在森林里机降落以供应食物和士兵。

30. Ketika berlangsungnya Perang Saraf, kerajaan telah menandatangani perjanjian kerjasama polis sempadan dengan kerajaan Thailand pada tahun 1949.

在心理战进行的过程中，政府于 1949 年泰国政府签署一份与边界警察合作的协议。

31. Kerjasama ini membolehkan pasukan keselamatan negara kita memburu penganas komunis sehingga melepasi sempadan kedua-dua buah negara.

这种合作让我国的安全部队可以追捕共产党直到超出两国的边界。

32. Langkah kerajaan menentang komunis juga mendapat kerjasama sultan dan menteri besar setiap negeri. Misalnya, Sultan Pahang sentiasa mengingatkan rakyatnya supaya jangan terpedaya dengan janji-janji komunis. Orang Melayu yang membantu dan menyokong komunis dianggap sebagai pengkhianat negara.

政府措施对抗共产党也得到每个州的苏丹和部长们的合作。例如，彭亨州苏丹总是提醒他的人民不要被共产党的承诺所迷惑。帮助和支持共产党的马来人被视为叛逆。

33. Menteri Besar Pahang pula mengingatkan rakyat supaya tidak melupakan kekejaman komunis ketika Tentera Bintang Tiga mengambil alih kuasa selepas Jepun menyerah kalah. Menyokong komunis bererti merobohkan bangsa Melayu.

彭亨州的首席部长也提醒人民不要忘记日本投降后共产党三星军接管政权时的暴行。支持共产党是指毁灭马来种族。

34. Dato' Onn bin Ja'afar juga menyeru supaya rakyat membantu kerajaan menghapuskan komunis daripada Tanah Melayu.

Dato' Onn bin Ja'afar 也呼吁民众以便帮助政府消除马来亚的共产党。

35. Kerajaan berusaha menimbulkan kebencian rakyat terhadap penganas komunis dengan menggelar anggota komunis sebagai penganas.

政府称共产党为恐怖分子以努力引起人民对共产党的憎恨。

36. Usaha rakyat dan kerajaan membanteras komunis sangat berkesan. Ramai penganas komunis hidup menderita kerana diburu oleh pasukan keselamatan. PKM menyedari perjuangan mereka tidak disokong oleh rakyat. Pengaruh mereka juga semakin merosot.

政府和人民共同打击共产党的努力非常有效。许多共产党因为遭受安全部队的猎杀，而活的很困苦。PKM 意识到他们的奋斗是不被人支持的。他们的影响力也逐渐下降。

3. 2. 6 Pengampunan Beramai-ramai 大规模的赦免

1. Bagi membantu penganas komunis menyerah diri, kerajaan telah menggugurkan risalah-risalah ke dalam hutan. 为了帮助共产党游击队投降，政府把传单投放进树林。

2. Kerajaan telah sedia maklum bahawa ramai anggota komunis yang dipaksa menyertai perjuangan yang sia-sia itu.

政府准备了挤告说许多共产党被迫加入的斗争是徒劳的。

3. Sebanyak 12 juta risalah telah digugurkan dari udara. Setiap hari Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan yang ditawarkan oleh kerajaan.

多达 12 亿张传单从空中降落。每一天马来亚广播电台都播放政府提供的赦免条件。

4. Poster-poster ditampal di merata-rata tempat. Iklan dan wayang gambar telah digunakan untuk membantu rakyat menolong penganas komunis menyerah diri.

海报贴到无处不在。广告和电影也被用来帮助人民帮助共产党游击队投降。

5. Tunku Abdul Rahman sendiri mengadakan lawatan ke daerah-daerah bagi menerangkan kepada rakyat tawaran kerajaan itu.

Tunku Abdul Rahman 亲自到各省走访并向人民解释说，政府提供的优惠。

3. 2. 7 Pertemuan Baling (在 Baling 的会议)

1. Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 telah diadakan di Tanah Melayu.

1955 年联邦的立法选举会在马来亚会举行。

2. PKM sering mendakwa matlamat perjuangan mereka adalah untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajahan British.

PKM 常常宣称他们的目标是从英国的殖民统治中解放出来马来亚。

3. Sebaliknya, Parti Perikatan tidak perlu menggunakan cara kekerasan untuk memperoleh kemerdekaan daripada British.

在另一方面，联盟（Perikatan）党（Parti）不需要用暴力以从英国获得独立。

4. British pula bersedia memberi kemerdekaan asalkan penduduk Tanah Melayu sanggup bersatu dan keamanan berjaya dipulihkan.

英国准备给予独立，只要马来亚人愿意团结并恢复和平。

5. Dalam kempen Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, Parti Perikatan berjanji untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu dengan segera dan menamatkan darurat.

在 1955 年联邦立法选举会的竞选中，联盟党承诺立即获得马来亚的独立和结束戒严。

6. Apabila Parti Perikatan memperoleh kemenangan cemerlang, Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri Tanah Melayu.

当联盟党取得了辉煌的胜利，Tunku Abdul Rahman 被任命为马来亚的首席部长。

7. Beliau mengeluarkan tawaran pengampunan beramai-ramai kepada pengganas komunis yang ingin menyerah diri.

他提出大规模赦免想要投降的共产党的优惠。

8. Chin Peng menulis sepucuk surat kepada Tunku Abdul Rahman untuk mengadakan pertemuan. Pada 28 dan 29 Disember 1955, satu pertemuan telah diadakan di Baling, Kedah.

陈平写了一封信给 Tunku Abdul Rahman 以举办开议。1955 年 12 月 28 日和 29 日，一个会议在吉打州的 Baling 举行。

9. Pihak kerajaan diwakili oleh Tunku Abdul Rahman, David Marshall, dan Tun Tan Cheng Lock. Pihak PKM diwakili oleh Chin Peng, Chien Tien, dan Rashid Maidin.

政府由 Tunku Abdul Rahman, David Marshall 和 Tun 陈祯禄代表。PKM 是由陈平，陈田和 Rashid Maidin 代表。

10. Dalam pertemuan tersebut. Chin Peng mengenakan syarat, iaitu PKM hanya akan menghentikan perjuangannya sekiranya kerajaan mengakui PKM sebagai sebuah parti politik yang sah.

在会议期间，陈平提出附加条件，那就是 PKM 将会停止斗争如果政府承认 PKM 为合法的政党。

12. Chin Peng enggan membenarkan kesetiaan PKM disiasat terlebih dahulu sebelum memulakan kehidupan baru.

陈平拒绝让 PKM 忠诚在开始新的生活之前被调查。

13. Tunku Abdul Rahman menolak syarat tersebut. Pertemuan tersebut menemui kegagalan kerana Tunku Abdul Rahman enggan bertolak ansur dengan syarat yang dikemukakan oleh Chin Peng yang mewakili PKM.

Tunku Abdul Rahman 拒绝满足这些要求。这会议失败，因为 **Tunku Abdul Rahman** 没有妥协陈平代表 **PKM** 提出的条件。

13. Walau bagaimanapun, Beliau bersedia berunding dengan **PKM** pada bila-bila masa jika **PKM** berubah fikiran.

不过，他愿意任何时候与 **PKM** 进行谈判，如果 **PKM** 改变了主意。

14. Pada 31 Ogos 1957, Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Tanah Melayu mencapai kemerdekaan semasa undang-undang darurat belum ditamatkan.

在 1957 年 8 月 31 日，马来西亚取得独立。马来西亚取得独立期间，紧急状态法还没结束。

15. Usaha membanteras pengganas komunis diteruskan selepas merdeka. Akhirnya, pada 31 Julai 1960, kerajaan mengisytiharkan tamatnya darurat yang berlangsung selama 12 tahun.

独立后继续打击共产党的努力。最后，在 1960 年 7 月 31 日，政府宣布历时 12 年的紧急状态结束。

Mesej FOCUS 焦点资讯

Nama sebenar Chin Peng ialah Ong Boon Hua. Chin Peng dilahirkan pada tahun 1922 di Setiawan, Perak. Penglibatan Chin Peng dalam **PKM** bermula pada tahun 1940. Dia kemudiannya bergerak cergas dalam cawangan **PKM** Perak semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dia mengambil alih pimpinan **PKM** selepas Lai Teck menghilangkan diri bersama-sama wang parti pada tahun 1947.

陈平的真名是王文华（**Ong Boon Hua**）。陈平出生于 1922 年在霹靂州的 **Setiawan**。陈平开始于 1940 年参与 **PKM**。他之后在日本占领马来亚期间在霹靂州 **PKM** 分会非常活跃。莱德在 1947 年带着党派的钱消失后，他接手 **PKM** 的领导。

3.3 Kesan Darurat 戒严的后果

1. Zaman darurat telah menimbulkan pelbagai kesan kepada penduduk Tanah Melayu terutama dalam bidang politik dan ekonomi.

戒严时代给马来亚人带来一定的影响，特别是政治和经济的领域。

3.3.1 Politik 政治

1. Darurat mempercepatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu. British mengadakan Pilihan Raya Majlis Bandaran pada tahun 1951 dan 1952. Seterusnya diikuti dengan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955. Pilihan raya tersebut diadakan ketika darurat belum ditamatkan.

戒严加速了马来亚独立的过程。英国于 1951 年和 1952 年举行了镇议选举会，在此之后于 1955 年举行联邦立法选举会。这个选举会举行时戒严还未终止。

2. Kedua-dua pilihan raya itu diadakan sebagai langkah British untuk memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

这两个选举是英国要给予马来亚独立的措施。

3. British menyedari penduduk tempatan tidak akan memberi kerjasama sekiranya usaha ke arah kemerdekaan tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

英国意识到当地人不会给与合作，如果不认真去完成迈向独立的方向。

4. Darurat juga telah menyebabkan kerajaan meminda undang-undang Kewarganegaraan pada tahun 1952.

戒严也导致政府在 1952 年修改公民法律。

5. Pindaan ini dibuat untuk menarik sokongan masyarakat Cina agar menyokong kerajaan British dan tidak memberi kerjasama kepada penganas komunis.

修正案吸引了华人社会的支持，以支持英国政府并不与共产党合作。

6. Ini kerana kebanyakan penganas komunis terdiri daripada orang Cina. Pindaan itu menyebabkan ramai orang bukan Melayu menjadi warganegara.

这是因为大多数的共产党是华人组成的。这个修正案导致许多非马来人可以成为公民。

3.3.2 Ekonomi 经济

1. Penganas komunis sentiasa mengganggu penduduk kampung. Mereka menyeksa dan membunuh penduduk yang tidak memberi bantuan seperti yang mereka kehendaki.

共产党总是打扰居民。他们拷打和杀害不给予他们援助的人。

2. Keganasan komunis menyebabkan rakyat tidak dapat menjalankan kegiatan harian dengan aman. Keadaan menjadi semakin buruk dengan perintah berkurung yang dikuatkuasakan semasa darurat.

共产党的暴力导致人民不能安全地进行日常活动。当戒严时实行宵禁，情况变得更糟糕。

3. Kemusnahan jentera melombong dan gangguan terhadap buruh-buruh ladang menjejaskan pengeluaran sumber ekonomi negara.

破坏矿场机械和骚扰农业劳工影响国家生产经济的供给。

4. Kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang banyak berjumlah \$250 000 hingga \$300 000 sehari.

政府每日被逼花费大量的资金总额高达 25 万元至 30 万元。

5. Selain itu, kerajaan terpaksa membelanjakan sebanyak \$721.9 juta untuk membeli peralatan ketenteraan yang moden bagi mengukuhkan sistem pertahanan negara.

此外，政府被逼花费高达 721 900 万元以购买先进的武器装备，以加强国家的防御系统。

6. Kerajaan terpaksa memperbesarkan pasukan keselamatan, menambah bilangan polis, dan Home Guard untuk melindungi dan menjamin keselamatan rakyat.

政府被迫扩大安全部队，增加警察以及家庭卫兵的数量，以保护和确保人民安全。

7. Kesannya, kerajaan kurang memberi tumpuan kepada pembangunan negara. Taraf hidup rakyat tidak dapat ditingkatkan.

因此，政府不太注重发展国家。人民的生活水平不能提升。

3.3.3 Sosial 社会

1. Darurat telah menyebabkan pengorbanan nyawa, kecederaan, dan kemusnahan harta benda.

戒严导致了人命的牺牲，伤亡和破坏财产。

2. Menjelang tahun 1950-an, seramai 21231 orang telah terkorban dan cedera yang melibatkan pasukan keselamatan dan orang awam. Sementara kematian yang melibatkan penganas komunis adalah seramai 6 133 orang.

直到 1950 年，共有 21231 人包括安全部队和平民牺牲和伤亡。而共产党党员的死亡率则达 6133 人。

3. Selama 12 tahun dalam darurat, rakyat menghadapi pelbagai kesukaran dan hidup dalam ketakutan. Pelbagai undang-undang yang dikuatkuasakan oleh kerajaan telah menyekat pergerakan rakyat.

在过去 12 年里的戒严里，人们面对许多困难和生活在恐惧之中。政府强制执行各种法律限制人民的行动。

4. Rakyat mengalami kekurangan makanan kerana sukar untuk mengusahakan tanaman makanan. Catuan makanan menyebabkan rakyat bergantung kepada ubi dan keledak seperti pada zaman pendudukan Jepun.

人们面临食物短缺的痛苦，因为很难发展粮食作物。口粮配给导致人民依靠木薯和番薯为生就好像日军占领的日子。

5. Darurat telah memberi kesan dalam hubungan antara kaum Melayu dan kaum Cina. Kaum Melayu banyak melibatkan diri dalam program anti-komunis termasuk menyertai pasukan keselamatan. Sebaliknya, kaum Cina sering dikaitkan dengan penganas komunis.

戒严影响马来人与华人之间的关系。马来人积极参与反共产党计划，包括加入安全部队。相比之下，华人经常与共产党被扯上关系。

6. Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum pada tahun 1949 untuk menjalinkan hubungan antara pelbagai kaum di Tanah Melayu.

政府于 1949 年成立了种族关系委员会以维系/建立马来亚各个种族之间的关系。

7. Kerajaan juga telah melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan yang berorientasikan Tanah Melayu untuk memupuk perasaan cinta akan tanah air kepada generasi muda.

政府还实施国家教育政策以培养年轻一代爱马来亚领土的感情。

8. Bahasa pengantar yang sama di sekolah dilaksanakan untuk memupuk persefahaman antara pelbagai kaum di Tanah Melayu.

实行在学校用相同的媒介语教学以促进马来亚各民族之间的相互理解。